

1. Antara berikut yang manakah bukan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
  - A Raja
  - B Pembesar
  - C Undang-undang
  - D Wilayah pengaruh
2. Apakah yang menyebabkan rakyat tidak akan menderhaka kepada pemerintah?
  - A Takut ditimpa tulah
  - B Takut dibuang negeri
  - C Dikenakan hukuman sebat
  - D Tidak dibenarkan berdagang
3. Istilah di bawah menjadi asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah Jepun semasa era Pemulihan Meiji.

|                  |
|------------------|
| Semangat Bushido |
|------------------|

Apakah yang anda peroleh kesan daripada semangat di atas?

- A Mengukuhkan pendidikan semata-mata
  - B Bekerjasama dengan imperlisme Barat
  - C Sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab
  - D Memberikan keutamaan yang tidak berbelah bahagi kepada diri dan keluarga
4. Jadual berikut menunjukkan tuntutan yang diminta oleh Kesatuan Melayu Singapura (KMS).

| Persatuan                       | Tuntutan                              |
|---------------------------------|---------------------------------------|
| Kesatuan Melayu Singapura (KMS) | Kebajikan dan pendidikan orang Melayu |

Apakah tindakan British untuk memenuhi tuntutan tersebut?

- A Mewujudkan lebih banyak pusat pendidikan
- B Menggalakkan orang Melayu menubuhkan persatuan
- C Menubuhkan syarikat yang diterajui oleh orang Melayu
- D Menambah penglibatan orang Melayu dalam perkhidmatan awam

5. Pernyataan berikut berkaitan dengan sekatan ekonomi terhadap Jepun

Amerika Syarikat telah menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk operasi perangnya.

Bagaimanakah Jepun menangani tindakan tersebut ?

- A Jepun menguasai Asia Tenggara
  - B Jepun menyerang wilayah jajahan pihak Bersekutu
  - C Jepun mewujudkan pakatan ketenteraan dengan Jerman
  - D Jepun melancarkan imperialisme di seluruh rantau Asia Pasifik
6. Maklumat berikut berkaitan dengan Dasar Pendudukan Jepun di negara kita.

Pentadbiran tentera Jepun memperkenalkan Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting untuk mengawal bekalan barangan.

Apakah kesan dasar tersebut kepada penduduk di negara kita?

- I Menghasilkan ciptaan baharu
  - II Menjadikan rakyat lebih berdikari
  - III Memupuk semangat berjimat cermat
  - IV Mengimport makanan dari negara luar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
7. Antara berikut yang manakah cara bantahan Raja-raja Melayu terhadap penentangan Malayan Union?
- A Menghadap Ratu England
  - B Menghantar surat bantahan ke PBB
  - C Menulis bantahan dalam akhbar tempatan
  - D Membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England

8. Pada tahun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British untuk menyerahkan Sabah menjadi tanah jajahan British. Mengapakah SBUB bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British?
- A Desakan kerajaan British
  - B Perebutan kuasa pemerintahan
  - C Masalah pewarisan takhta kerajaan
  - D Kekurangan dana untuk membangunkan Sabah

9. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu.

| <b>Tahun</b>    | <b>Peristiwa</b>              |
|-----------------|-------------------------------|
| 1 April 1946    | Malayan Union                 |
| 1 Februari 1948 | Persekutuan Tanah Melayu 1948 |

Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mengukuhkan dasar imperialisme
  - B Kekuatan perpaduan orang Melayu
  - C Memenuhi tuntutan golongan radikal
  - D Kemasukan berterusan kaum imigran
10. Mengapakah pentadbir British menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Mengelakkan Tanah Melayu diancam oleh kuasa luar
  - B Membela nasib Raja-raja Melayu dan penduduk tempatan
  - C Mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi
  - D Mengukuhkan penguasaan British terhadap Tanah Melayu

11. Jadual berikut menyenaraikan pasukan askar Komanwel di Tanah Melayu

| Tahun | Jumlah                                                                                                                                                  |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1954  | <ul style="list-style-type: none"><li>• 25 ribu orang askar Britain</li><li>• 10 ribu orang askar Gurkha</li><li>• Satu Batalion askar Afrika</li></ul> |

Mengapakah pasukan keselamatan tersebut berada di negara kita?

- A Membanteras kegiatan lanun
- B Memerangi ancaman Komunis
- C Menentang penyerahan Sarawak
- D Membantu mencapai kemerdekaan


12. Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan komunis

- Bergerak pada waktu malam
- Tinggal di pinggir hutan
- Membekalkan makanan dan ubat-ubatan

Apakah anggota yang dikaitkan dengan aktiviti tersebut

- A Anggota Min Yuen
- B Anggota sukarelawan
- C Anggota tentera darat
- D Anggota Melayu radikal

13. Rajah berikut berkaitan dengan hasil rundingan CLC ke arah berkerajaan sendiri.



Apakah X ?

- A Majlis Negeri
- B Majlis Eksekutif
- C Majlis Persekutuan
- D Majlis Perbandaran

14. Bagaimanakah Sistem ahli dapat memperkukuhkan perpaduan rakyat?

- A Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas
- B Undang-undang anti perkauman digubal
- C Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
- D Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan

15. Apakah Syarat untuk menjadi pengundi dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

- I Berumur 21 tahun keatas
- II Berpendidikan selolah Inggeris
- III Berkhidmat dalam perkhidmatan awam
- IV Warganegara Persekutuan Tanah Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan yang ditubuhkan selepas Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Persekutuan?

- A Mengambil alih pentadbiran
- B Menggubal undang-undang
- C Mengetuai pentadbiran negeri
- D Menguruskan kewangan negara

17. Wakil Parti Perikatan yang terlibat dalam rombongan kemerdekaan Tanah Melayu ke London terdiri daripada

- I Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood
  - II Encik Abdul Aziz Abdul Majid
  - III Dato' Abdul Razak Hussein
  - IV Dr. Ismail Abdul Rahman
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

18. Maklumat berikut berkaitan dengan rombongan kemerdekaan Tanah Melayu ke London.

Rombongan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut

Apakah tujuan Tunku Abdul Rahman berbuat demikian?

- A Mempercepatkan perjalanan
  - B Menyusun strategi perundingan
  - C Menjimatkan kos pengangkutan
  - D Mengelakkan ancaman kuasa asing
19. Jawatankuasa Persediaan Fizikal dan Jawatankuasa Sambutan ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu. Mengapakah persediaan tersebut penting?
- A Menonjolkan identiti negara
  - B Mempertahankan warisan bangsa
  - C Mendukung perlembagaan negara
  - D Menganjurkan perbarisan kemerdekaan
20. Rancangan Buku Merah telah dilancarkan pada 25 Januari 1961.
- Apakah tujuan Rancangan Buku Merah?
- A Menstabilkan kewangan negara
  - B Membuka tanah secara besar-besaran
  - C Memantau projek-projek pembangunan
  - D Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat
21. Kedaulatan tradisional merujuk kepada raja berkuasa mutlak yang mempunyai kuasa tertinggi. Bagaimanakah kedaulatan raja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka di perkukuh?
- A Kesahan Dewan Negara
  - B Penghayatan Rukun Negara
  - C Taat setia golongan diperintah
  - D Perkahwinan dengan rakyat jelata

22. Maklumat berikut berkaitan dengan lambang-lambang negara kita.

- Jata Negara
- Lagu Kebangsaan
- Bendera Jalur

Mengapakah rakyat perlu menghormati lambang negara?

- A        Mengekalkan kestabilan politik
- B        Mengukuhkan patriotisme
- C        Memupuk integrasi nasional
- D        Mewujudkan kemakmuran ekonomi

23. Mengapakah pelaksanaan undang-undang penting kepada raja dan pembesar dalam urusan pemerintahan negara?

- A        Mengiktiraf kedudukan
- B        Mengelak campur tangan
- C        Menjadi panduan pemerintah
- D        Merancang pembangunan negeri

24. Apakah ciri-ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

- I        Pemerintahan beraja
  - II       Kewarganegaraan
  - III      Demokrasi Berparlimen
  - IV      Kedudukan istimewa orang Melayu
- A       I dan II
  - B       I dan IV
  - C       II dan III
  - D       III dan IV

25. Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Apakah hak rakyat dalam sistem tersebut?

- A       Melantik Yang di-Pertuan Agong
- B       Mengamalkan gaya hidup bebas
- C       Memiliki dua kewarganegaraan
- D       Memilih pemimpin negara

26. Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara kita. Mengapakah kuasa pengimbang penting kepada seorang raja?
- A      Meredakan konflik pertikaian politik
  - B      Mengelakkan pertindihan kuasa
  - C      Meluaskan pengaruh
  - D      Mengasingkan kuasa
27. Senarai Bersama membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Apakah perkara tersebut?
- A      Perumahan
  - B      Tanah
  - C      Kewangan
  - D      Pertanian dan Perhutanan
28. Bagaimanakah Sistem Persekutuan dapat memberi kestabilan kepada negara?
- A      Pengurusan tenaga kerja
  - B      Pemantapan parti politik
  - C      Pembahagian kuasa
  - D      Pemupukan budaya
29. Berikut adalah tokoh Melayu yang yang mencadangkan idea penggabungan wilayah sejak sebelum Perang Dunia Kedua.

- Dr. Burhanuddin al-Helmi
- Ibrahim Haji Yaakob
- Ahmad Boestamam

Mereka mencadangkan supaya Tanah Melayu digabungkan dengan

- A      Sabah
- B      Sarawak
- C      Indonesia
- D      Thailand

30. Mengapakah Suruhanjaya Cobbold penting dalam menjayakan pembentukan Malaysia?
- A Melaksanakan sistem birokrasi barat
  - B Menggalakkan penubuhan Parti Perikatan
  - C Memujuk Singapura menyertai persekutuan
  - D Menilai sokongan rakyat Sabah dan Sarawak
31. Malaysia menghadapi cabaran dalaman setelah pembentukan Malaysia. Apakah cabaran tersebut?
- A Ketiadaan pemimpin berwibawa
  - B Kekurangan hasil pendapatan
  - C Mengukuhkan perpaduan kaum
  - D Menyeragamkan pentadbiran negeri
32. Apakah isu pembangunan ekonomi yang ingin diatasi melalui Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970?
- A Penyalahgunaan dadah
  - B Pemerdagangan orang
  - C Meningkatkan taraf hidup rakyat
  - D Alam sekitar
33. Apakah faktor sejarah yang menjadi punca kepada masalah perpaduan kaum di negara kita selepas merdeka?
- I Politik berasaskan kaum
  - II Pendidikan vernakular
  - III Penyebaran berita palsu
  - IV Penghijrahan imigran asing
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

34. Perkara berikut berkaitan dengan cadangan aktiviti kokurikulum dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

- Kegiatan persatuan
- Unit Beruniform
- Sukan dan Permainan

Mengapakah aktiviti kokurikulum diberi tumpuan?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Melahirkan atlet bertaraf dunia
- C Mempelbagai aliran persekolahan
- D Meningkatkan kemahiran teknologi

35. Maklumat berikut merujuk kepada projek perindustrian berteknologi tinggi di negara kita.

| Lokasi                         | Projek           |
|--------------------------------|------------------|
| Raub, Pahang                   | Stesen Janakuasa |
| Perak, Pulau Pinang            | Besi Keluli      |
| Limbungan, Pasir Gudang, Johor | Membaiki kapal   |

Apakah agensi yang mengendalikan projek perindustrian tersebut?

- A PETRONAS
- B MIDA
- C HICOM
- D PKEN

36. Mengapakah zon perindustrian bebas diwujudkan oleh kerajaan?

- A Menggalakkan pembukaan petempatan baharu
- B Membangunkan prasarana sistem komunikasi
- C Memajukan industri kecil dan sederhana
- D Menggalakkan pelaburan modal asing

37. Apakah manfaat Rancangan Colombo kepada negara anggota Komanwel?
- A Kerjasama ekonomi
  - B Bantuan ketenteraan
  - C Menentang dasar Aparteid
  - D Menangani masalah kemiskinan
38. Deklarasi Kuala Lumpur diisytiharkan dalam Sidang Kemuncak NAM ke-13 pada tahun 2003 di Malaysia. Apakah isu yang dibangkitkan dalam deklarasi tersebut?
- I Isu Palestin
  - II Isu pelarian
  - III Isu alam sekitar
  - IV Serangan Amerika terhadap Iraq
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
39. Kempen antiminyak kelapa sawit dilancarkan negara maju secara tidak langsung menggugat ekonomi negara kita.
- Mengapakah negara maju melaksanakan kempen tersebut?
- A Melindungi hak asasi manusia
  - B Melarang pembukaan tanah baru
  - C Menyaingi minyak kacang soya
  - D Memonopoli hasil kutipan cukai
40. Mengapakah isu pelepasan gas rumah hijau menjadi agenda penting dalam Sidang Kemuncak Bumi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Rio de Janeiro Brazil pada tahun 1992?
- A Mengaut keuntungan penjualan baja kimia
  - B Melaksanakan penggunaan senjata biologi
  - C Mewujudkan suasana persekitaran yang aman
  - D Mewariskan alam sekitar kepada generasi baharu

## PP SEJARAH PERCUBAAN 2025

| No. soalan | Jawapan | Ting/Bab | Muka surat | No. soalan | Jawapan | Ting/Bab          | Muka surat |
|------------|---------|----------|------------|------------|---------|-------------------|------------|
| 1          | 1       | B        | 4/4        | 21         | C       | Ting 5/<br>Bab 1  | 6          |
| 2          | 2       | A        | 4/13       | 22         | B       | Ting 5/<br>Bab 1  | 14         |
| 3          | 3       | C        | 4/27       | 23         | C       | Ting 5/<br>Bab 2  | 22         |
| 4          | 4       | B        | 4/40       | 24         | B       | Ting 5/<br>Bab 2  | 28-29      |
| 5          | 5       | D        | 4/65       | 25         | D       | Ting 5/<br>Bab 3  | 50         |
| 6          | 6       | A        | 4/72       | 26         | A       | Ting 5/<br>Bab 3  | 56         |
| 7          | 7       | D        | 4/100      | 27         | A       | Ting 5/<br>Bab 4  | 70         |
| 8          | 8       | D        | 4/115      | 28         | C       | Ting 5/<br>Bab 4  | 81         |
| 9          | 9       | B        | 4/132      | 29         | C       | Ting 5/<br>Bab 5  | 92         |
| 10         | 10      | C        | 4/133      | 30         | D       | Ting 5/<br>Bab 5  | 100        |
| 11         | 11      | B        | 4/155      | 31         | C       | Ting 5/<br>Bab 6  | 118        |
| 12         | 12      | A        | 4/157      | 32         | C       | Ting 5/<br>Bab 6  | 127        |
| 13         | 13      | A        | 4/177      | 33         | A       | Ting 5/<br>Bab 7  | 141        |
| 14         | 14      | C        | 4/179      | 34         | A       | Ting 5/<br>Bab 7  | 156        |
| 15         | 15      | B        | 4/200      | 35         | D       | Ting 5/<br>Bab 8  | 186        |
| 16         | 16      | <b>B</b> | 4/204      | 36         | C       | Ting 5/<br>Bab 8  | 185        |
| 17         | 17      | <b>A</b> | 4/216      | 37         | D       | Ting 5/<br>Bab 9  | 206        |
| 18         | 18      | <b>B</b> | 4/217      | 38         | B       | Ting 5/<br>Bab 9  | 212        |
| 19         | 19      | <b>A</b> | 4/236      | 39         | C       | Ting 5/<br>Bab 10 | 228        |
| 20         | 20      | <b>C</b> | 4/244      | 40         | D       | Ting 5/<br>Bab 10 | 239        |